

Nelayan asing 'sapu' ikan

SH 16/3/2019 m/s 18

**Lebih empat tan
hasil laut
dirampas**

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Tiga tan ikan campur, dua tan ikan baja serta sotong kering yang dianggarkan seberat hampir 200 kilogram (kg) 'disapu' sekumpulan nelayan asing sepanjang tempoh beberapa hari mencero boh masuk ke perairan negara.

Bagaimanapun, usaha 14 awak-awak dan seorang tekong warga Vietnam berusia 18 hingga 51 tahun menggandakan hasil tangkapan mereka terbantu selepas bot mereka ditahan

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), kelmarin.

Timbalan Pengarah Maritim Pahang (Operasi), Kepten Maritim V.Pannir Selvan berkata, bot nelayan asing itu ditahan pada lokasi lebih kurang 83 batu nautika Timur Laut dari Kuantan, jam 8 pagi.

Jelasnya, semasa dihampiri, pihaknya mendapati nelayan itu sedang leka melakukan aktiviti menangkap ikan sehingga tidak sedar kehadiran penguatkuasa.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot itu membawa 3 tan ikan campur, 2 tan ikan baja serta sotong kering yang dianggarkan seberat hampir 200kg, dipercayai diperolehi dalam perairan negara dan dibawa keluar untuk dijual.



Sebahagian nelayan asing Vietnam yang ditahan kelmarin.

"Kami yakin mereka ini akan menjual hasil tangkapan tersebut dengan harga yang lebih tinggi dan keseluruhan barang dirampas termasuk bot dianggarkan bernilai RM1 juta,"

katanya pada sidang media di Jeti Pangkalan Maritim Kemaman semalam.

Menurutnya, kesemua nelayan yang ditahan termasuk bot dirampas akan diserahkan kepada Pegawai

Penyiasat untuk siasatan lanjut.

Katanya, selain disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia tanpa kebenaran

info

Info: Hasil tangkapan akan dijual dengan harga lebih tinggi dan keseluruhan barang dirampas termasuk bot dianggarkan bernilai RM1 juta

daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, kes berkenaan juga disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

Sementara itu, V. Pannir berkata, sehingga hari ini, Maritim Pahang melakukan hampir 273 pemeriksaan dan 9 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan.